KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	TNB			



PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din (kiri) mengadakan lawatan ke lokasi banjir di Hulu Langat, Selangor pada Selasa bagi meninjau kerja TNB memulihkan infrastruktur bekalan yang terkesan akibat banjir.

PERUNTUKAN TNB BAIK PULIH ASET TERKESAN BENCANA

Dana RM44 juta

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menggerakkan lebih 2,000 warga kerjanya di seluruh Semenanjung Malaysia dan menyediakan peruntukan kecemasan RM44 juta dalam usaha memulihkan semula bekalan dan membantu mangsa banjir dalam proses pemulihan aset yang terjejas akibat bencana berkenaan.

Selain membantu mangsa banjir termasuk dari segi keperluan asas dan penyaluran bekalan elektrik menggunakan set janakuasa bergerak termasuk di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), tindakan utama lain ialah memulihkan pencawang dan aset lain dengan mengujinya untuk memastikan ia selamat untuk menyalurkan bekalan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din berkata, tambahan RM4 juta daripada peruntukan RM44 juta itu adalah bantuan kewangan yang akan diagihkan melalui Tabung Bencana GLC/GLIC Disaster Response Network (GDRN) dan pengagihan oleh Tabung Warga TNB Prihatin.

Beliau yang meninjau keadaan di Hulu Langat, turut mengingatkan orang ramai bahawa bekalan elektrik hanya dapat disambung semula apabila pepasangan TNB termasuk pencawang elektrik dan meter di premis pengguna kering dan dipastikan selamat.

"Sehingga hari ini (semalam), 419 daripada sejumlah 853 pencawang elektrik yang dihenti tugas sementara di Kelantan, Pahang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur dipulihkan berikutan air surut di beberapa daerah di negeri berkenaan.

"Bagaimanapun, ada keadaan yang banjir surut di premis pengguna, namun pencawang elektrik di kawasan itu masih ditenggelami air dan masih dihenti tugas. Keadaan ini tidak membenarkan TNB untuk menyambung semula bekalan ke kawasan itu," katanya.

Menurutnya, faktor keselamatan awam sentiasa menjadi pertimbangan utama dalam usaha pemulihan bekalan.

"Bekalan elektrik di PPS mangsa banjir berada dalam keadaan baik. Sebanyak 232 set janakuasa berada dalam keadaan tunggu sedia untuk digerakkan ke kawasan yang terjejas akibat banjir sekiranya bekalan tidak dapat diberikan melalui sistem grid," katanya.

Katanya, sekiranya pengguna ternampak kejanggalan atau mempunyai keraguan berkaitan pepasangan TNB yang terkesan akibat banjir, sila hubungi TNB CareLine 15454 atau Facebook TNB Careline bagi tindakan lanjut.

Sementara itu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan menghargai semua tindakan segera TNB termasuk menyediakan sokongan tenaga kerja serta logistik seperti bot dan kenderaan yang disifatkannya sebagai pengorbanan dan sumbangan kepada negara.